

# Tidak yakin, kurang berkongsi jadi punca

**P**ERKAHWINAN adalah satu ikatan yang suci yang telah menghalalkan hubungan antara Adam dan Hawa. Kebahagiaan, keharmonian dan kerukunan rumah tangga adalah sebahagian daripada refleksi organisasi ini sepanjang tempoh perkahwinan.



Dr. Azlin Baharudin

■ Ia boleh dilihat melalui pelbagai cara sama ada secara fizikal mahupun secara simboliknya. Begitu juga dengan persefahaman antara pasangan, memang dituntut dalam melayani bahtera rumah tangga. Wanita dalam erti kata seorang isteri memerlukan suami untuk melindungi dirinya dan anak-anak tetapi apabila bertindak kejam terhadap isteri hinggalah bertindak di luar batas seorang manusia ia pastinya kelakuan yang memang tidak boleh dimaafkan. Lebih menyayat hati, isteri yang tidak bersalah diserang dengan senjata tajam, dipukul seolah-olah wanita itu bukanlah

seorang isteri.

Kejadian suami melakukan kekejaman terhadap isteri semakin mendapat perhatian masyarakat apabila ia dihebahkan oleh media. Persoalannya di sini adalah, kenapa si suami sanggup bertindak sekejam ini? Di manakah kasih sayang yang selama ini dilimpahkan terhadap isteri dan anak-anak?

Menjawab persoalan ini, Pensyarah & Pakar Psikiatri, Jabatan Psikiatri, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, Dr. Azlin Baharudin berkata, multifaktor adalah antara sebab yang menjadikan si suami melakukan kekejaman terhadap isteri. Dalam konteks ini setiap individu mempunyai personaliti masing-masing.

Jelas Dr. Azlin, personaliti adalah organisasi dinamik di dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikologi serta fizikal yang menentukan penyesuaiannya kepada persekitaran. Personaliti adalah ciri-ciri psikologi dan fizikal diri seseorang yang menyebabkan dirinya unik.

Secara umumnya, personaliti seseorang itu adalah stabil tetapi dalam kes-kes tertentu jika seseorang itu di bawah pengaruh tekanan, maka personaliti individu itu akan bertindak balas menghasilkan kecelaruan psikiatri.

"Personaliti boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar: kumpulan A merangkumi personaliti skizoid, skizotipal, serta paranoid. Individu yang mempunyai personaliti dari kumpulan ini sering dilihat sebagai individu yang aneh serta eksentrik.

"Kumpulan B pula terdiri daripada personaliti antisosial, borderline, histori serta narsistik. Individu yang memiliki personaliti dari kluster B dikatakan lebih kelihatan dramatik, beremosi serta tidak menentu. Manakala kumpulan C terdiri daripada personaliti avoidant, dependant serta obsessive-compulsive. Individu ini sering kelihatan gelisah atau risau," katanya.

Jelas Dr. Azlin lagi, individu yang memiliki personaliti paranoid mempunyai syak wasangka serta sering tidak mempunyai kepercayaan terhadap orang lain. Mereka menuduh orang lain mempunyai niat jahat untuk menjatuhkan mereka tanpa sebarang asas. Individu dalam golongan ini juga tidak suka berkongsi masalah disebabkan mereka percaya bahawa maklumat yang diperolehi dari mereka yang boleh digunakan oleh orang lain untuk menentang mereka kembali. Malah individu ini juga cepat melenting dan marah. Mereka selalu suka membuat andaian yang negatif kepada setiap perkara yang terjadi dan menyimpan dendam serta tidak suka memaafkan orang lain.

"Bagi mereka yang personaliti antisosial pula mempunyai masalah untuk mengikut sebarang peraturan atau kebiasaan masyarakat. Individu ini tidak mempunyai keupayaan untuk merancang dan sering bertindak secara terburu-buru, bertindak kasar dan cepat marah. Ini menyebabkan mereka sering terlibat dalam sesuatu pergaduan atau pertelingkahan.

"Merujuk kepada personaliti yang pelbagai serta jika dikaitkan dengan kes yang berlaku se-

belakangan ini melibatkan suami yang mendera isteri, kita boleh katakan bahawa selain wujudnya multifaktor personaliti ini ia juga turut berkaitan dengan faktor-faktor lain.

"Saya nampak di sini adalah penyalahgunaan dadah. Apabila individu yang berada di bawah pengaruh dadah mereka jadi hilang pertimbangan, kawalan dan lebih agresif. Untuk jangka masa panjang dadah boleh merosakkan bahagian otak, jadi pada saya individu atau suami yang mengambil dadah juga cenderung untuk bertindak agresif terhadap isteri dan tidak mustahil disebabkan hilang pertimbangan mereka boleh mencederakan isteri dan pihak lain. Mungkin pada sangkaan kita, kebiasaannya dadah diambil oleh mereka yang tidak bekerja atau yang suka melepak, perlu juga diingat bahawa golongan usia 30 hingga 40-an juga ada yang terlibat dengan dadah dan mereka ini dalam usia yang sedang bekerja dan telah pun berkeluarga. Jadi tidak hairanlah ada sesetengah kes yang kita dengar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah daripada golongan profesional. Tekanan kerja, ekonomi dan tidak dapat mengawal emosi ditambah pula dengan personaliti yang multifaktor tadi menyebabkan segelintirnya bertindak ganas terhadap orang lain," katanya.

## PENYAKIT JIWA YANG SERIUS

Antara penyakit psikiatri adalah skizofrenia, delusional (disorder) dan alzheimer (nyanyuk).

Skizofrenia adalah penyakit jiwa yang serius. Tanda pesakit yang tergolong dalam penyakit ini adalah sukar untuk membezakan dunia nyata dengan dunia fantasi. Pemikiran mereka bercampur-aduk, semakin tidak nyata, manakala emosi menjadi kabur dan tidak teratur.

Faktor penyebab adalah keturunan atau genetik dan kerap ditemui dalam keluarga yang mempunyai sejarah menghidapnya. Individu yang mempunyai ibu atau bapa skizofrenia mempunyai risiko 45 hingga 50 peratus mewarisinya.

"Dalam rumah tangga ini, kita sewajarnya tidak harus menyalahkan sebelah pihak sahaja. Perlu lihat kedua-dua tanggungjawab dan peranan antara suami isteri. Dalam konteks ini ada kalanya pihak lelaki dilihat tidak bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Jika berlaku masalah dalam keluarga, sama ada suami atau isteri tidak tahu menyelesaikan masalah. Ini lebih memburukkan keadaan sekiranya kurang berkomunikasi di kalangan ahli keluarga. Apabila si ayah tidak mengurur kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak, manakala isteri pula menyebelahi anak tadi maka anak-anak berada dalam zon selamat.

"Di sini kita dapat lihat bahawa aspek komunikasi juga adalah faktor penting dalam menentukan keharmonian rumah tangga dan keluarga. Sikap tidak yakin serta kurang berkongsi masalah juga salah satu sifat yang ada dalam diri kaum lelaki (suami)," katanya. **W**

## Statistik Isteri Yang Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga Mengikut Negeri 2002-2006

Negeri	2002	2003	2004	2005	2006
Johor	73	65	76	47	51
<b>Kedah</b>	<b>22</b>	<b>41</b>	<b>6</b>	<b>25</b>	<b>41</b>
Kelantan	23	32	15	17	24
<b>Melaka</b>	<b>104</b>	<b>75</b>	<b>42</b>	<b>35</b>	<b>11</b>
Negeri Sembilan	35	51	22	52	49
<b>Pahang</b>	<b>5</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	<b>19</b>	<b>5</b>
Perak	24	35	35	48	26
<b>Perlis</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>0</b>
Pulau Pinang	81	102	113	98	121
<b>Sabah</b>	<b>12</b>	<b>42</b>	<b>19</b>	<b>*</b>	<b>*</b>
Sarawak	11	48	61	0	58
<b>Selangor</b>	<b>147</b>	<b>60</b>	<b>85</b>	<b>42</b>	<b>32</b>
Terengganu	9	20	8	5	12
<b>WP Kuala Lumpur</b>	<b>40</b>	<b>34</b>	<b>32</b>	<b>12</b>	<b>33</b>
WP Labuan	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>589</b>	<b>622</b>	<b>544</b>	<b>403</b>	<b>463</b>

Nota: \* maklumat tidak diperolehi.  
Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia.